

Pelan Bijak: Intervensi dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Ayat yang mengandungi Kata Nama Khas Murid Tahap 2

Fadzilah Binti Patman (PhD)^{1*}, Suhairullah bin Omar Ramih (PhD)².

¹Jabatan Kecemerlangan Akademik, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kent, Tuaran, Sabah.

²Unit Kokurikulum, Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran Sabah.

*fadzilah2024@gmail.com

Abstrak: Kajian tindakan ini bertujuan membantu murid menulis ayat yang mengandungi kata nama khas dengan betul dalam kalangan murid tahun 4. Selain itu, meningkatkan pemahaman murid terhadap penulisan kata nama khas dalam ayat dan meningkatkan kemahiran menulis huruf khususnya huruf besar dan huruf kecil dalam ayat. Kajian ini telah dilaksanakan di beberapa buah sekolah khususnya di daerah Tuaran. Peserta kajian dipilih berdasarkan masalah yang dihadapi iaitu murid tidak mahir menulis ayat yang mengandungi kata nama khas, tidak dapat mengenal pasti kata nama khas dan tidak mahir menulis huruf dengan betul. Instrumen kajian terdiri daripada ujian pra dan post serta pemerhatian terhadap hasil murid. Tinjauan awal mendapati peserta kajian tidak mahir menulis ayat yang mengandungi kata nama khas dengan betul. Selepas mengenal pasti masalah, intervensi telah dijalankan dengan menggunakan Kit Pelan Bijak. Data yang diperolehi melalui ujian pra dan post serta pemerhatian dianalisis. Dapatan awal menunjukkan peserta kajian berada pada tahap lemah dalam menulis ayat yang mengandungi kata nama khas. Setelah pelaksanaan interensi kit Pelan Bijak didapati intervensi ini telah membantu meningkatkan kemahiran murid dalam menulis ayat yang mengandungi kata nama khas, pemahaman murid dalam mengenal pasti kata nama khas serta menambah baik kemahiran menulis huruf khususnya huruf besar. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan amalan pengajaran guru dan pembelajaran murid dalam kemahiran menulis ayat yang mengandungi kata nama khas serta dapat dijadikan rujukan pada masa akan datang.

Kata Kunci: Kemahiran menulis ayat, Kata Nama Khas, huruf besar dan huruf kecil

1.0 PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang harus diberi penekanan dan dititik beratkan sehingga murid mampu membina ayat dengan susunan yang betul dan tatabahasa yang tepat. Sekiranya murid tidak menguasai kemahiran menulis, maka akibatnya sesuatu idea yang diungkapkan secara lisan mahu pun bacaan tidak dapat dipindahkan dalam bentuk penulisan dengan baik (Noor Habsah & Yahya, 2018; Revathi, Dahlia & Nasri, 2022). Sehubungan itu, berdasarkan kamus dewan edisi keempat, huruf besar digunakan pada permulaan perkataan apabila digunakan untuk menyatakan nama orang, nama tempat, dalam proses pembinaan ayat.

Tambahan lagi, kata nama khas merupakan rujukan khusus kepada nama orang, benda, binatang, perbadanan dan semumpamanya. Manakala, kata nama am didefinisikan sebagai benda, perkara, atau konsep yang umum sifatnya (Usha & Vijayaletchumi, 2024). Pengenalan kepada pembelajaran kata nama khas telah bermula pada peringkat tahun 1 mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sekolah rendah. Yakni dalam subjek Bahasa Melayu kata nama khas merupakan kemahiran kelima yang terkandung dalam aspek tatabahasa. Hal ini menunjukkan penggunaan kata nama khas dalam penulisan Bahasa Melayu telah bermula pada peringkat awal persekolahan, maka pendedahan penulisan kata nama khas yang betul sudah bermula pada tahap 1 sehingga tahap 2 sekolah rendah.

Isu yang berlaku adalah murid tidak berminat mempelajari kemahiran menulis ayat dengan penggunaan tatabahasa yang betul khususnya kata nama khas. Hal ini menyebabkan murid lemah dalam menulis ayat yang mengandungi kata nama khas pada awal peringkat awal persekolahan. Sekaligus hal ini menyebabkan murid tidak dapat mengenal pasti dan menulis ayat yang mengandungi kata nama khas dengan betul. Sehingga murid juga tidak dapat menulis huruf besar pada kedudukan dan bentuk yang betul pada setiap permulaan kata nama khas. Rentetan itu, Pelan Bijak direka khas sebagai intervensi atau alat bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang mampu menarik minat murid untuk belajar subjek Bahasa Melayu dengan cara yang mudah dan menyeronokkan.

Pelan Bijak ini ialah batu pelonjak untuk membantu murid mengejar semula pembelajaran kemahiran menulis ayat yang mengandungi kata nama khas bagi murid yang tercicir seiring menambah baik bentuk penyampaian pengajaran yang menyeronokkan dan mudah difahami. Pada mulanya penghasilan Pelan Bijak melibatkan tiga bahagian iaitu nota, aktiviti pembelajaran, aktiviti pengukuhan dan penilaian serta manual pengguna. Namun setelah ditambahbaik Pelan Bijak ini berevolusi menjadi empat bahagian iaitu buku Modul Latihan kit Pelan Bijak, nota pembelajaran, alat inovasi Pelan Bijak dan permainan digital Kuiz *Wordwall*. Justeru itu, pelaksanaan intervensi kemahiran menulis menggunakan Pelan Bijak ini akan dijelaskan dalam manual pengguna yang terdapat dalam buku Modul Latihan yang telah disediakan.

1.1 Fokus Kajian

Kajian ini dirancang dan dilaksanakan berdasarkan kelemahan yang sering dihadapi oleh murid sewaktu menulis ayat. Khususnya ayat yang mengandungi kata nama khas. Selain itu, dijangkakan kelemahan ini berlaku kerana murid tidak dapat mengenal pasti kata nama khas dalam ayat. Murid juga tidak dapat menulis huruf dengan betul dalam ayat tersebut khususnya huruf besar pada permulaan bagi setiap kata nama khas. Padahal, mereka telah didedahkan dengan cara menulis huruf kecil dan huruf besar ketika berada di tahun 1 lagi. Disamping itu, didapati murid cepat merasa bosan dan hilang fokus kerana tidak minat menulis ayat. Hal ini disebabkan kaedah yang digunakan semasa sesi pdpc kurang sesuai.

Pada hemat saya, masalah ini tidak sepatutnya berterusan dan menjadi fenomena yang biasa di sekolah. Sebaliknya, masalah ini perlu dibendung dengan segera agar ia dapat ditangani supaya tidak menjadi suatu kebiasaan yang boleh diterima. Pemilihan fokus kajian ini adalah lebih menjurus kepada penggunaan Pelan Bijak sebagai bahan bantu mengajar yang dijadikan sebagai alat intervensi terhadap permasalahan ini.

1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Objektif Umum

Kajian tindakan ini bertujuan untuk membantu meningkatkan kemahiran murid menulis ayat yang mengandungi kata nama khas dengan betul menggunakan alat Pelan Bijak.

1.3.2 Objektif Khusus

Membantu murid menulis ayat yang mengandungi kata nama khas dengan betul.

1.4 Persoalan Kajian

Adakah murid dapat menulis ayat yang mengandungi kata nama khas dengan betul menggunakan Pelan Bijak?


2.0 KAJIAN LITERATUR

Kemahiran menulis merupakan suatu budaya intelek yang saling melengkapi di antara kemahiran membaca dan menulis. Oleh itu, kemahiran menulis merupakan satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh murid-murid. Selain itu, kemahiran menulis juga amat penting bagi melahirkan seseorang murid literasi bahas yang dapat memperkembangkan pemikiran dan idea melalui penulisan (Chew, 2023). Sehubungan itu, berdasarkan kamus dewan edisi keempat, huruf besar digunakan pada permulaan perkataan apabila digunakan untuk menyatakan nama orang, nama tempat, dalam proses pembinaan ayat. Tambahan lagi, kata nama khas merupakan rujukan khusus kepada nama orang, benda, binatang, perbadanan dan semumpamanya. Manakala, kata nama am didefinisikan sebagai benda, perkara, atau konsep yang umum sifatnya (Usha & Vijayaletchumi, 2024).

Tambahan pula, kemahiran menulis merupakan kemahiran berbahasa yang paling tinggi. Hal ini adalah kerana pengajaran kemahiran menulis meliputi pengaplikasian aspek tatabahasa, semantik dan ejaan. Maka, keupayaan menulis seseorang murid merupakan suatu kemahiran yang menjadi asas dalam suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di sekolah. Namun, penggunaan bahan rangsangan iaitu bahan bantu mengajar tanpa teknik yang berkesan akan mendorong kepada kelemahan penggunaan kemahiran menulis dalam kalangan murid-murid (Andrew, Rozita & Roselan, 2019).

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan Model Stephen Kemmis & Mc. Taggart (1988) yang terdiri dari empat peringkat iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleks. Rajah 1 di bawah menunjukkan langkah pelaksanaan kajian tindakan menurut model ini.



Rajah 1: Model Stephen Kemmis & Mc. Taggart (1988)

Berpandukan model tersebut dalam kajian ini, kitaran pertama akan dijalankan menggunakan ini. Pertama perancangan, terlebih dahulu saya telah mengenal pasti masalah yang berlaku iaitu masalah murid menulis ayat yang mengandungi kata nama khas. Seterusnya, membuat pilihan dan menyediakan instrumen yang ingin digunakan semasa melaksanakan kajian tindakan.

Kedua ialah tindakan iaitu dalam fasa ini menjalankan kajian dengan menggunakan instrumen yang telah dipilih iaitu membuat pemerhatian dan menjalankan ujian diagnostik terhadap murid. Dalam fasa ini saya menjalankan kaedah yang telah dipilih untuk melihat keberkesanan dan keberhasilan Pelan Bijak yang dijadikan sebagai intervensi.

Ketiga ialah pemerhatian iaitu dalam fasa ini pemerhatian telah dibuat sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan bahan intervensi Pelan Bijak. Tujuannya ialah untuk melihat sejauh mana keberkesanan dan minat murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, fasa keempat ialah refleksi. Dalam fasa ini saya telah membuat refleksi diri dengan mengimbas kembali setiap pelaksanaan yang dilakukan sepanjang kajian ini. Maka, didapati terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki. Justeru itu, terhasillah kitaran kedua.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Kedudukan Sebelum Intervensi dijalankan

Soalan	Bilangan betul	Bilangan salah
Melengkapkan tempat kosong dengan kata nama khas yang betul	8	16
Menulis Kata nama khas dengan huruf yang betul	8	16
Menulis semula ayat lengkap dengan kata nama khas yang betul	7	17
Menulis kata nama khas yang terkandung dalam ayat dengan huruf yang betul dari segi bentuk, kedudukan serta saiz yang tepat.	7	17

Berdasarkan jadual 1, kedudukan intervensi sebelum dijalankan mendapati bahawa peserta kajian kurang menguasai pengetahuan asas kemahiran menulis ayat yang mengandungi kata nama khas. Penilaian dijalankan dengan menyediakan 5 item untuk dijawab oleh setiap peserta kajian. Item 1 dan 2 masing-masing mencatatkan skor sebanyak 8 orang (33.0%) iaitu peserta kajian yang berjaya menjawab dengan betul dan 16 orang (66.0%) menjawab dengan salah. Manakala item 3 dan 4 masing-masing mencatat skor sebanyak 7 orang (29.0%) betul dan 17 orang (70.0%) menjawab salah. Bukti bergambar ditunjukkan dalam rajah 2 iaitu penilaian dalam penguasaan murid bagi kedudukan sebelum intervensi dijalankan kepada murid darjah 4 di sekolah.



Jadual 2: Kedudukan Selepas Intervensi dijalankan

Soalan	Bilangan betul	Bilangan salah
Melengkapkan tempat kosong dengan kata nama khas yang betul	18	6
Menulis kata nama khas dengan huruf yang betul	18	6
Menulis semula ayat lengkap dengan kata nama khas yang betul	19	5
Menulis kata nama khas yang terkandung dalam ayat dengan huruf yang betul dari segi bentuk, kedudukan serta saiz yang tepat.	19	5




Rajah 2: Penilaian penguasaan murid bagi kedudukan sebelum intervensi dijalankan.

Berdasarkan Jadual 2 pula menunjukkan kedudukan inovasi selepas ditadbir. Bagi item 1 melengkapkan tempat kosong dengan kata nama khas yang betul dan item 2 menulis kata nama khas dengan huruf yang betul masing-masing adalah 18 orang (75.0%) menjawab dengan betul dan 6 orang (25.0%) menjawab salah. Manakala, bagi Item 3 iaitu menulis semula ayat lengkap dengan kata nama khas yang betul dan item 4 iaitu menulis kata nama khas dalam ayat dengan huruf yang betul dari segi bentuk, kedudukan saiz yang tepat masing-masing juga menunjukkan peningkatan skor menjawab dengan betul dari 7 kepada 19 orang iaitu sebanyak 19 orang (79.2%) dan 5 orang (20.8%) menjawab salah. Seterusnya, rajah 3 menunjukkan suasana kedudukan semasa intervensi sedang dijalankan dalam waktu prosaes pengajaran dan pembelajaran di sekolah murid darjah 4.



Rajah 3: Suasana kedudukan semasa intervensi dijalankan



Rajah 4: Lembaran Kerja Sebelum dan Selepas Penggunaan Pelan Bijak

Manakala, rajah 4 di atas menunjukkan bukti lembaran kerja sebelum dan selepas intervensi menggunakan alat Pelan Bijak dijalankan. Rajah membuktikan bahawa terdapat peningkatan dalam jawapan pelajar iaitu sebelum intervensi banyak kesalahan penggunaan huruf besar dan huruf kecil yang tidak sesuai. Namun, selepas melalui fasa intervensi terdapat banyak peningkatan dalam jawapan pelajar iaitu banyak jawapan betul dan tepat.

5.0 PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian tindakan ini, didapati bahawa penggunaan Pelan Bijak telah meningkatkan kemahiran menulis ayat yang mengandungi Kata Nama Khas murid-murid tahap 2 di sekolah rendah khususnya murid tahun 4. Murid bukan sahaja menunjukkan peningkatan yang baik dalam kemahiran menulis ayat tetapi juga turut meningkatkan sikap, nilai serta pencapaian peserta kajian itu sendiri. Perkara ini disimpulkan daripada hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada ujian Pra dan ujian Post serta pemerhatian yang telah dibuat sepanjang pelaksanaan intervensi kemahiran menulis menggunakan Pelan Bijak ini.

Pada peringkat awal kajian tindakan ini, didapati bahawa pengetahuan dan penguasaan peserta kajian tentang kaedah menulis ayat yang mengandungi Kata Nama Khas adalah sangat lemah. Oleh sebab itu, mereka tidak dapat menulis ayat dengan betul khususnya ayat yang mengandungi Kata Nama Khas. Apatah lagi membina ayat, murid-murid ini tidak dapat membina ayat dengan betul. Namun begitu, selepas peserta kajian iaitu murid-murid ini menggunakan Pelan Bijak untuk membantu menulis

ayat yang mengandungi Kata Nama Khas dengan mengenal ciri-ciri Kata Nama Khas yang betul serta cara menulis huruf bagi perkataan Kata Nama Khas yang bermula dengan huruf besar ini. Maka, masalah yang dihadapi oleh murid-murid iaitu peserta kajian sebelum ini apat ditangani dan dikurangkan sedikit dmi sedikit.

Selain itu, didapati peserta kajian juga agak keliru dengan penggunaan Kit Pelan Bijak pada peringkat awal. Peserta kajian ini tidak dapat menulis ayat khususnya perkataan Kata Nama Khas dalam ayat dengan betul. Malah, ada peserta kajian yang tidak dapat mengenal pasti Kata Nama Khas dengan betul. Peserta kajian juga keliru dengan kaedah menulis huruf besar dan kecil dalam ayat. Namun, setelah diberi penerangan dan contoh yang banyak kepada peserta kajian, kekeliruan ini dapat ditangani dari semasa ke semasa.

5.1 Rumusan dan Implikasi Kajian

Kajian ini telah menunjukkan impak yang positif dalam membantu murid menguasai kemahiran menulis ayat yang mengandungi kata nama khas dengan betul. Kajian tindakan ini juga telah membantu guru sebagai pemudah cara untuk menyampaikan pengetahuan kepada murid menggunakan alat intervensi Pelan Bijak ini. Walaupun, Pelan Bijak ini masih melalui fasa penambahbaikan secara keseluruhannya. Namun ianya telah memberikan impak yang besar terhadap profesion keguruan. Hasil dapatan kajian yang telah diperolehi menunjukkan bahawa Pelan Bijak ini berkesan dalam membantu meningkatkan kemahiran menulis ayat yang mengandungi kata nama khas dengan betul sekaligus dapat meningkatkan minat murid.

Implikasi utama alat intervensi Pelan Bijak ini dalam pembelajaran kemahiran menulis ayat yang mengandungi kata nama khas ialah murid semakin minat untuk terus mempelajari kemahiran menulis ayat ini. Pada masa yang sama juga murid dapat menerima dan memahami pengajaran yang disampaikan melalui modul ini disebabkan konsep penyampaian dan bentuk aktiviti yang dijalankan bersifat *hands-on* dan digital memudahkan pemahaman murid terhadap kemahiran menulis ayat yang mengandungi kata nama khas yang dipelajari.

Selain itu, alat intervensi Pelan Bijak ini juga telah dihasilkan dengan menerapkan gabungan elemen bahan bantu mengajar maujud dan digitalisasi iaitu gamifikasi *Wordwall* dalam pembelajaran. Hal ini telah menunjukkan kesediaan produk ini untuk mendepani perubahan gelombang pendidikan ke arah digitalisasi serta membawa konsep pembelajaran abad ke-21 dengan lebih berkesan. Situasi ini terbukti apabila murid berjaya mengikuti setiap tahap yang terdapat dalam modul ini dengan mudah dan baik. Alat intervensi Pelan Bijak ini berjaya mengoptimumkan aplikasi teknologi digital termasuk video pembelajaran, aktiviti pembelajaran secara atas talian yang berbentuk permainan kuiz menjawab soalan dalam *Wordwall*. Kemahiran menulis ayat yang mengandungi kata nama khas yang merupakan asas kepada penguasaan linguistik seiring dengan keperluan yang terkandung dalam kemahiran IR 4.0.

Seterusnya, melalui aspek peningkatan kemahiran sosial pula, pelaksanaan aktiviti modul Pelan Bijak ini dapat dijalankan secara koperatif dan individu. Peningkatan dalam aspek kemahiran sosial ini berjaya dilakukan sekiranya permainan ini dilaksanakan secara berkumpulan. Yakni peranan guru dapat mempelbagaikan kaedah dalam penggunaan modul ini khususnya semasa sesi pembelajaran, pemulihan, pengukuhan serta penilaian dijalankan.

Kesimpulannya, penggunaan alat intervensi Pelan Bijak ini dalam membantu murid menguasai kemahiran menulis ayat yang mengandungi kata nama khas dengan betul telah membantu guru sebagai pemudah cara untuk menyampaikan pengetahuan kepada murid. Penerapan berkaitan pengenalan kata nama khas, menulis ayat yang mengandungi kata nama khas, menulis huruf dengan cara yang betul khususnya huruf besar pada permulaan kata nama khas dapat diterapkan secara langsung dengan memberi pendedahan berbentuk aktiviti berkaitan kemahiran menulis ayat yang mengandungi kata nama khas ini. Selain itu, penggunaan elemen Merentas Kurikulum (EMK) iaitu Teknologi Maklumat dan Komunikasi juga memberikan kelebihan pembelajaran bermakna kepada murid. Akhir sekali, alat intervensi Pelan Bijak ini juga turut menggabung jalin pengetahuan dalam subjek Bahasa Inggeris. Sudah terang lagi bersuluh bahawa alat Pelan Bijak ini juga telah membuktikan bahawa kompetensi murid dalam menjalani pembelajaran yang mengandungi pengetahuan pelbagai dapat diterapkan.

RUJUKAN

- Andrew E, Rozita. Radhiah Said & Roselan Baki. (2019). Meneroka Penggunaan Teknik Flipped Classroom dalam Pengajaran Kemahiran Menulis. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 5(1): 1-8.
- Chew, F. P., & Saidatul Aliah Amir. (2023). Tahap Penguasaan Kemahiran Literasi Menulis Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun Satu. *PENDETA*, 14(1), 74–87.
- Kemmis, S. & McTaggart, R. (Eds). (1988) *The Action Research Planner (Third Edition)* Waurin Ponds. Deakin University Press.
- Muhammad Fikri Affendi, Muhammad Firas Muqri Abd Samad, Nur Afifah Nabihah Yaacob & Siti HajarLokman Al Hakim. (2023). *E-JARVIS*. Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau.
- Usha, N, & Vijayaletchumy, S. (2024). Modul Celik Huruf dalam Kata Nama Am dan Kata Nama Khas dalam Kalangan Murid SJK(T) Kajang dan SJK(T) Batu Caves. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 12(2), 91 – 99.
- Gopal, R. R., Dahlia Janan, Nasir Masran. (2022). Kekangan Kemahiran Membina Ayat Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun Empat SJKT. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001916. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1916>

APPENDIX

A1 : Item pemerhatian kemahiran menulis ayat yang mengandungi Kata Nama Khas.

1. Murid dapat melengkapkan tempat kosong dengan kata nama khas yang betul
2. Murid dapat ayat yang mengandungi Kata nama khas dengan huruf yang betul.
3. Murid dapat menulis semula ayat lengkap dengan kata nama khas yang betul.
4. Murid dapat menulis kata nama khas yang terkandung dalam ayat dengan huruf yang betul dari segi bentuk, kedudukan serta saiz yang tepat.

A2: Gambar Alat Intervensi Pelan Bijak



Rajah 5: Alat Pelan Bijak



Rajah 6: Paparan di bahagian dalam Alat Pelan Bijak